

**DBKL Serah Geran Bantuan RM1.19 Juta Kepada 238 Persatuan Penduduk
Bernama
9 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Khamis menyampaikan geran bantuan tahunan berjumlah RM1.19 juta kepada 238 persatuan penduduk sekitar Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata setiap persatuan penduduk akan menerima RM10,000 setahun berbanding hanya RM5,000 setahun sebelum ini.

"Bantuan ini merupakan usaha kerajaan dan DBKL dalam menyelesaikan masalah yang sering dibangkitkan penduduk ibu kota.

"Penambahan geran tahunan kepada RM10,000 setahun itu telah diluluskan selepas ia dipohon Majlis Gabungan Persatuan-Persatuan Penduduk kepada Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada satu majlis 14 Jun lepas," katanya pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan geran tahunan itu di ibu pejabat DBKL, di sini.

Raja Nong Chik turut berharap wang tersebut tidak disalahgunakan kerana pernah berlaku penyelewengan, wang tersebut digunakan untuk kepentingan peribadi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686994>